

11 APR 2001

Amerika-Malaysia/I

AMERIKA SYARIKAT MAHU HUBUNGAN LEBIH BAIK DENGAN MALAYSIA

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 11 April (Bernama) -- Pentadbiran Bush melahirkan hasrat untuk memperbaiki hubungan dua hala dengan Malaysia dan menyambut baik harapan Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad supaya diwujudkan hubungan bercorak baru antara Kuala Lumpur dengan Washington.

"Kami menyambut baik harapan yang disuarakan oleh Perdana Menteri Dr Mahathir untuk mengadakan hubungan bercorak baru dengan A.S itu," kata seorang pegawai Jabatan Negara kepada Bernama di sini.

Beliau menambah kata: "Kami gembira kerana Duta Besar (B. Lynn) Pascoe telah mengadakan perbincangan penuh dan ikhlas dengan Dr Mahathir berhubung perkara yang ada kaitan dengan kepentingan bersama."

Dr. Mahathir telah bertemu Duta Besar AS ke Malaysia itu minggu lepas yang merupakan perbincangan rasmi kali pertama sejak Pascoe memegang jawatan itu awal 1999.

Perdana Menteri telah berkata selepas pertemuan itu: "Kita rasa dengan adanya pentadbiran baru, mungkin kita dapat memperbaiki hubungan dengan A.S. dan mengurangkan sedikit perselisihan faham antara kita dengan A.S."

Pegawai Jabatan Negara itu, yang tidak mahu namanya disebut, bagaimanapun berkata bahawa masih terdapat "beberapa perkara yang membimbangkan" terutama "berhubung hak asasi manusia" di Malaysia.

Pihak A.S telah mengeluarkan senarai panjang mengenai hak asasi di Malaysia dalam laporannya mengenai hak asasi baru-baru ini.

Hubungan Washington-Kuala Lumpur menjadi buruk apabila bekas naib presiden A.S. Al Gore menyuarakan sokongan kepada apa yang dikatakan gerakan reformasi di Malaysia ketika menghadiri majlis makan malam pemimpin APEC pada 1998.

Gore membuatkan rakyat Malaysia begitu marah dan menyifatkan kenyataannya itu sebagai cuba mengganggu hal ehwal dalaman Malaysia.

Secara peribadi, kalangan pegawai kanan di Washington berpendapat bahawa kenyataan Gore itu tidak berasas dan memburukkan lagi hubungan yang sudah tegang antara Kuala Lumpur dan Washington.

Seorang bekas Duta Besar A.S ke Malaysia Ronald Palmer memberitahu Bernama di sini bahawa hubungan antara kedua-dua negara yang menjadi "semacam tidak bermaya" sejak berlakunya krisis kewangan "telah sampai pada tahap perlu diperbaiki".

"Hubungan dua hala di bawah pentadbiran Clinton telah menjejaskan sebahagian daripada kemesraan yang wujud suatu ketika dahulu. Pentadbiran baru A.S di bawah (George W.) Bush mempunyai peluang untuk mengembalikan hubungan itu ke atas laluan yang betul," kata Palmer.

"Ini memerlukan usaha daripada kedua-dua pihak," kata beliau.

Palmer menjadi Duta Besar A.S ke Malaysia dari 1981-83. Beliau kini Profesor Hal Ehwat Antarabangsa di George Washington University.

-- BERNAMA

SH AU ZB NMO